

A decorative border with floral and scrollwork patterns surrounds the text. The border consists of a double-line rectangular frame with ornate floral designs at each corner and midpoints of the top and bottom edges.

BAB KEEMPAT

Ulasan ,

Saranan &

Kesimpulan

BAB KEEMPAT.**4.1 ULASAN.**

Masalah sosial yang sedang dihadapi oleh golongan remaja di negara kita pada ketika ini boleh dikatakan agak membimbangkan. Ia dianggap sebagai musuh kepada negara, menggugat perkembangan sosial dan memberikan implikasi yang buruk terhadap maruah dan identiti umat Islam di negara ini.

Berdasarkan kepada jumlah pelibatan remaja di dalam masalah sosial, amat dikhuatiri ia akan melemahkan kedudukan masyarakat Islam. Lebih-lebih lagi jika dilihat dari segi purata umur golongan yang terlibat adalah di dalam lingkungan 13 hingga 18 tahun, di mana usia yang begitu muda tenaga mereka tidak dimanfaatkan untuk kepentingan bangsa dan agama.

Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa antar sebab yang mendorong remaja ke kancuh permasalahan sosial ialah :

1. Kurang didikan agama.
2. Pengabaian ibu bapa.
3. Pengaruh persekitaran.

Faktor Kurang Pendidikan Agama.

Penekanan Islam di dalam soal pendidikan kepada anak-anak adalah bertujuan untuk membentuk peribadi dan watak yang baik dan dengan ilmu yang diberikan itu dapat menimbulkan kesedaran di kalangan mereka untuk membezakan antara baik dan buruk. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ternyata bahawa faktor kurang pendidikan serta kesedaran agama menyebabkan para remaja Islam terdedah dengan berbagai pengaruh yang merosakkan.

Dalam hubungan ini adalah perlu para remaja Islam diberikan bimbingan untuk melakukan perkara-perkara yang baik serta sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama serta menjauhi larangan agama. Oleh itu falsafah pendidikan Islam bukan sekadar untuk menjadikan seseorang itu berilmu pengetahuan tetapi objektifnya adalah untuk membina serta membentuk peribadi yang mulia.

Faktor Pengabaian Ibu bapa.

Islam meletakkan tanggungjawab ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak sebagai suatu kewajipan yang tidak boleh diabaikan. Tanggungjawabnya akan dipersoalkan di akhirat kelak sekiranya gagal dilaksanakan. Dalam hubungan ini seseorang ibu bapa dianggap berjaya sekiranya ia dapat mendidik anaknya menjadi anak yang sentiasa taat kepadanya. Sebaliknya seorang ibu bapa dianggap gagal dan malang sekiranya mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap pendidikan serta pengawasan kepada anak-anak.

Faktor Kurang Didikan Agama.

Penekanan Islam di dalam soal pendidikan kepada anak-anak adalah bertujuan untuk membentuk peribadi dan watak yang baik dan dengan ilmu yang diberikan itu dapat menimbulkan kesedaran di kalangan mereka untuk membezakan antara baik dan buruk. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ternyata bahawa faktor kurang pendidikan serta kesedaran agama menyebabkan para remaja Islam terdedah dengan berbagai pengaruh yang merosakkan.

Dalam hubungan ini adalah perlu para remaja Islam diberikan bimbingan untuk melakukan perkara-perkara yang baik serta sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama serta menjauhi larangan agama. Oleh itu falsafah pendidikan Islam bukan sekadar untuk menjadikan seseorang itu berilmu pengetahuan tetapi objektifnya adalah untuk membina serta membentuk peribadi yang mulia.

Faktor Pengabaian Ibu bapa.

Islam meletakkan tanggungjawab ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak sebagai suatu kewajipan yang tidak boleh diabaikan. Tanggungjawabnya akan dipersoalkan di akhirat kelak sekiranya gagal dilaksanakan. Dalam hubungan ini seseorang ibu bapa dianggap berjaya sekiranya ia dapat mendidik anaknya menjadi anak yang sentiasa taat kepadanya. Sebaliknya seorang ibu bapa dianggap gagal dan malang sekiranya mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap pendidikan serta pengawasan kepada anak-anak.

Kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa faktor pengabaian ibu bapa terhadap anak-anak menyebabkan mereka menjadi liar dan akhirnya terlibat di dalam kes-kes jenayah atau pun penagihan dadah. Dan dari pengakuan yang telah diberikan oleh salah seorang bekas penagih dadah, terdapat ibu bapa yang bertindak secara kasar kepada mereka dengan menyumpah seranah sehingga menimbulkan perasaan benci dan dendam terhadap ibu bapa mereka sendiri.

Dari pandangan Islam, tindakan sedemikian rupa adalah dilarang serta bercanggah dengan ciri-ciri pendidikan yang dikehendaki di dalam Islam. Oleh kerana sumpah seranah kedua ibu bapa sering dikabulkan oleh Allah, mereka haruslah menghadapi masalah anak-anak ini dengan cara yang lemah lembut serta tunjuk ajar yang baik.

Faktor Pengaruh Persekitaran.

Faktor pengaruh persekitaran mempunyai pengaruh dan daya tarik yang kuat dan berkesan terhadap perkembangan emosi dan peribadi manusia. Oleh sebab itu Islam menekankan betapa pentingnya diwujudkan sebuah masyarakat atau negara yang bersih dari segala gejala yang boleh merosakkan jasmani dan mentaliti manusia.

Dalam usaha untuk memupuk semangat keagamaan di kalangan masyarakat Islam pada hari ini, terdapat pertembungan antara dua keadaan dan fenomena yang wujud di dalam masyarakat hari ini.

Pertama, fenomena yang positif hasil dari kebangkitan Islam dan telah berjaya menimbulkan kesedaran akan pentingnya anak-anak hari ini diasuh dengan selok belok agama agar mereka terselamat dari sebarang bentuk kemaksiatan. Kedua, fenomena yang bersifat negatif yang mewujudkan pengaruh persekitaran yang tidak sihat kepada remaja seperti pergaulan bebas di samping tidak ada pengawasan sewajarnya dari ibu bapa dan keluarga. Maka keadaan yang sedemikian memudahkan mereka terlibat dengan masalah sosial.

Masalah sosial di kalangan remaja Islam adalah berpunca dari beberapa faktor dan penyelesaiannya adalah perlu kepada tindakan dari umat Islam sendiri dan masyarakat keseluruhannya.

Oleh kerana manusia yang menimbulkan masalah maka terpulanglah kepada kebijaksanaan manusia untuk cuba mengatasinya.

Oleh itu sebagai golongan yang mempunyai kesedaran, kita seharusnya memainkan peranan penting untuk mencegah daripada berleluasanya perlakuan negatif ini supaya ia tidak akan terus menjadi barah yang memusnahkan keseluruhan generasi yang akan datang.

4.2

SIRAHAN.

Masyarakat meletakkan harapan yang tinggi terhadap golongan remaja. Mereka mahu golongan remaja yang ada pada hari ini bertanggungjawab, menghormati antara satu sama lain, berdisiplin, mempunyai kesedaran sivik dan semangat cintakan tanah air serta mengamalkan prinsip-prinsip atau nilai hidup yang mulia. Sifat-sifat ini dapat diasuh dan ditanamkan sejak dari kecil lagi sekiranya mereka mendapat pendidikan yang sempurna.

Sebelum mencapai kedewasaan, mereka perlu melengkapkan diri dan mempunyai pengetahuan, sikap yang positif, pengalaman, kematangan dan kemahiran yang tertentu untuk menghadapi hari depan yang penuh dengan cabaran. Dengan adanya perhatian, dorongan, simpati dan bimbingan daripada orang dewasa, khususnya ibu bapa, mereka akan merasa lebih mudah menempuh panceroba hidup, lebih yakin serta mempunyai pengetahuan tentang alam yang akan mereka lalui.

Persoalannya sebagai ibu bapa dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab, sejauh manakah peranan yang seharusnya kita mainkan untuk membentuk dan membantu golongan remaja menuju ke matlamat yang diimpikan. Persoalan ini penting kepada penyelesaian, sebagaimana pentingnya golongan remaja hari ini untuk mendukung generasi yang akan datang.

Di antara elemen-elemen yang perlu bertindak untuk mengatasi masalah keruntuhan akhlak di kalangan para remaja kita, di sarankan seperti berikut :

1. PERANAN IBU BAPA.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Kedudukan sosio-ekonomi sekarang sudah banyak berubah sehingga menyebabkan hubungan kekeluargaan menjadi semakin renggang dan nilai-nilai hidup yang lama semakin pupus. Pembangunan ekonomi yang pesat dan pendedahan kepada budaya asing yang semakin berleluasa telah banyak mempengaruhi sikap, gaya hidup dan pemikiran masyarakat. Ibu bapa di dalam hal ini perlu memainkan peranan yang penting, agar anak-anak mereka tidak turut terpengaruh dengan budaya yang tidak sihat.

Ada dua tindakan serentak yang perlu dijalankan untuk menyekat penularan budaya tersebut. Iaitu dengan menegah tingkah laku yang tidak baik dan nilai-nilai yang tidak dikehendaki oleh masyarakat melalui pendidikan formal dan tidak formal serta merancang aktiviti-aktiviti yang berfaedah supaya mereka dapat menggunakan masa lapang dengan melakukan kerja-kerja yang berfaedah. Di samping itu hendaklah dipastikan terlebih dahulu bahawa mereka sudah mendapat pendidikan awal yang cukup sempurna dan kukuh dengan nilai-nilai keagamaan.

Ibu bapa perlu mengambil tahu dan merancang supaya anak-anak mereka menggunakan masa dengan berfaedah semasa di rumah. Mereka yang tinggal di rumah-rumah pangsaploinya, hendaklah menggalakkan anak-anak mereka supaya bergaul dengan jiran. Dengan cara ini kemesraan, persefahaman dan perpaduan di kalangan generasi muda akan dapat dipupuk dan disemai dan dapat juga mengelakkan anak-anak mereka daripada bergaul dengan kumpulan-kumpulan yang tidak dikenali.

Bagi ibu bapa yang mampu, terutamanya mereka yang tinggal di bandar, sekali sekala hendaklah membawa anak-anak melancong ke tempat-tempat yang menarik dan bersejarah di dalam atau pun di luar negeri. Ini membolehkan anak-anak mengetahui sejarah dan kebudayaan di negara sendiri di samping dapat memupuk semangat cintakan tanahair dan yang penting sekali untuk menghindarkan kegiatan-kegiatan yang tidak berfaedah.

2. PERANAN GURU.

Pendidikan formal akan dapat melengkapkan golongan remaja dengan pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai moral dan sifat-sifat yang baik. Dalam hal ini guru memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya untuk membentuk sikap dan pemikiran yang sihat di kalangan para remaja. Remaja-remaja yang kurang

cerdas dan bermasalah perlu diberikan perhatian yang lebih, baik di dalam pelajaran mahupun di dalam kegiatan ko-kurikulum. Ini kerana, jika mereka diabaikan mereka akan terus tercoir dari sekolah dan mudah pula untuk menjadi liar yang tidak bertanggungjawab akibat dari pergaulan yang tidak menentu.

Para remaja khususnya pelajar, perlu diberikan penerangan yang jelas mengenai alam remaja, masalah dan kesulitan yang bakal mereka hadapi sebelum mereka mencapai kedewasaan. Ini boleh dilakukan menerusi majlis-majlis ceramah dan majlis penerangan mengenai masalah kehidupan remaja serta memupuk kesedaran sivik, di samping menerbitkan khidmat-khidmat kaunseling.

3. PERANAN BADAN-BADAN TERTENTU.

Kegiatan yang bertujuan untuk memupuk nilai hidup yang baik ketika di sekolah hendaklah diteruskan di luar waktu sekolah. Ini penting supaya nilai hidup yang baik itu akan dapat terus diamalkan. Oleh itu pihak-pihak yang berkenaan, boleh jadi pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Kementerian Belia dan Sukan perlu mengadakan lebih banyak aktiviti khusus untuk golongan remaja. Aktiviti ini termasuklah kegiatan sukan, pertunjukan kebudayaan yang menonjolkan unsur-unsur pendidikan, pameran lukisan dan kegiatan-kegiatan yang lain yang

boleh menarik minat golongan remaja. Jika dirancang dengan baik kegiatan itu akan dapat melatih para remaja menggunakan masa lapang dengan berfaedah dan dapat mengelakkan mereka daripada menia-siakan masa dengan berkumpul di tempat-tempat awam.

4. PERANAN PENERBITAN.

Golongan remaja juga memerlukan bahan bacaan yang menarik dan bermutu dan lebih bercorak pendidikan. Sayangnya kebanyakan akhbar mingguan, majalah dan buku cerita yang berada di pasaran sekarang kurang menonjolkan unsur-unsur sedemikian. Malah ia lebih mengutamakan hiburan, keganasan dan fantasi kosong yang boleh mendorong kepada sikap hidup yang negatif, seperti suka berpoya-poya, boros dan pelbagai perlakuan anti sosial yang lain.

Oleh itu pihak penerbitan seharusnya lebih bertanggungjawab, di samping mementingkan keuntungan mereka juga perlu sedar tanggungjawab sosial untuk menerbitkan lebih banyak bahan bacaan yang bercorak pengetahuan untuk melahirkan golongan remaja yang bertanggungjawab dan mempunyai sifat-sifat yang murni. Contohnya buku-buku yang bercorak pengetahuan keagamaan, kemajuan sains dan teknologi, ketudayan, pensejarahan dan sebagainya.

5. PERANAN MEDIA.

Bidang-pada penyiaran seperti RTM dan TV3 hendaklah menyiarkan lebih banyak rancangan khusus untuk golongan remaja. Mereka sepatutnya lebih mendedahkan pelbagai isu mengenai cabaran, pergolakan dan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan remaja, untuk dijadikan sebagai contoh dan juga teladan. Rancangan itu pula hendaklah disiarkan pada masa dan ketika yang sesuai supaya ia dapat dimanfaatkan dan dapat menepati sasaran. Manakala rancangan-rancangan berorientasi keagamaan seperti Sinar Islam, Fitrah dan Muqaddim hendaklah ditambah beberapa slot lagi sesuai dengan isu-isu semasa yang semakin banyak untuk diperbincangkan dan dapat pula menampung jumlah penonton yang bertambah ramai.

Di samping itu iklan barangan atau perkhidmatan yang ditujukan kepada golongan remaja perlu dikawal supaya ia tidak merangsang remaja berkelakuan kurang sopan, kasar, liar dan ingin bergaya dengan corak hidup yang penuh dengan kemewahan. Ada banyak iklan-iklan yang disiarkan di negara kita sengaja memperbesar-besarkan gelagat anak-anak muda di bandar-bandar besar dengan gaya pakaian yang hebat, tarian yang liar, pergaulan yang bebas dan lain-lain lagi perlakuan yang hampir-hampir hilang nilai-nilai kesopananannya. Ini patut dijauhkan supaya tidak menjadi ikutan para remaja kita.

Oleh sebab itu sebagai ibu bapa dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab, kita patut mempunyai kewajipan dan melaksanakan tugas yang besar untuk merancang aktiviti, memberikan peluang dan bimbingan serta menyediakan pelbagai kemudahan supaya golongan remaja mendapat panduan yang cukup untuk mengadapi masa remaja mereka.

4.3 KESIMPULAN.

Remaja merupakan golongan yang penting di dalam masyarakat dan negara. Tidak kira apa jenis ideologi yang diamalkan, sama ada berideologi Islam, kapitalis, sosialis dan sebagainya, namun sumbangan para remaja adalah amat penting di dalam era pembangunan. Tidak semua negara di dunia dapat mengecapi kemajuan yang setara atau seimbang, ada yang maju, sedang membangun dan ada juga yang miskin. Hakikat ketidakseamarataan ini mempunyai hubungan yang kuat dengan konsep pembangunan remaja.

Di dalam menuju ke alam dewasa timbul kecenderungan di kalangan mereka untuk membebaskan diri dari sifat kebudak-budakan kepada sifat yang lebih dewasa. Dalam hal ini pembentukan tingkah laku menjadi lebih menjerus ke arah hidup bermasyarakat. Bagi memenuhi keperluan ini, pendidikan mereka mestilah mengikut lunsur-lunsur dan arahan Islam. Pendidik peringkat awal yang sempurna mestilah untuk membentuk mereka menjadi muslim yang sejati.

Pembangunan remaja mestilah dilandaskan dengan asas yang kukuh. Pembangunan fizikal dan spiritual tidak akan membawa kejayaan sekiranya asas spiritual tidak wujud dan tidak kukuh. Untuk membentuk remaja yang sempurna, ibu bapa dan anggota masyarakat mempunyai peranan penting yang harus dimainkan. Ibu bapa sebagai ketua di dalam institusi kekeluargaan perlu mewujudkan satu sistem kehidupan yang kukuh dengan berlandaskan Al Quran dan As Sunnah. Ini akan dapat menghindarkan anak remaja dari terpesong ke jalan yang tidak diingini.

Para remaja tidak menuntut taraf sebagai seorang dewasa, mereka hanya inginkan sesuatu yang sesuai dengan peringkat peralihan mereka dari alam kanak-kanak ke alam dewasa. Mereka juga mahu kan labangan yang baik antara kebebasan dan kawalan. Oleh sebab itu sebagai orang yang paling hampir dengan anak-anak, ibu bapa seharusnya dapat memainkan peranannya sebijaksana yang mungkin.

Penulis percaya sekiranya tugas mendidik anak-anak dapat dilaksanakan dengan baik mengikut cara yang telah disarankan, masalah keruntuhan akhlak yang melanda golongan remaja kita pada hari ini akan dapat dibendung. Malah harapan kita untuk melihat generasi akan datang dapat mendukung tanggungjawab untuk menjadi pemimpin yang berjaya akan menjadi kenyataan.